

# Lokasi baharu wabak di Kampung Berjaya

BH 17/9/14  
MS 18

**Alor Setar:** Jabatan Kesihatan Kedah mengesahkan satu lokasi baharu denggi dikesan di Kampung Berjaya, dekat sini.

Pemangku Pengarahnya, Dr Harif Fadzilah Che Hashim, berkata tiga kes baharu denggi dilaporkan di penempatan dalam daerah Kota Setar terbabit, antara lapan kes yang dikesan pihaknya di seluruh Kedah dalam tempoh minggu ke-37, iaitu antara 7 hingga 13 September lalu.

“Lima lagi kes terbaharu ialah dua di Kuala Muda dan masing-masing satu kes di Padang Terap, Baling dan Langkawi. Kita percaya lokasi baharu denggi ini ada kaitan de-

ngan musim hujan ketika ini dan meminta penduduk ambil inisiatif memusnahkan tempat pembiakan Aedes,” katanya.

Dr Harif Fadzilah berkata, secara keseluruhan, kes denggi di negeri ini menunjukkan aliran positif apabila menurun dalam tempoh tiga minggu kebelakangan ini, terutama melalui minggu ke-37.

## **Kes baharu menurun**

“Pada minggu ke-35, sebanyak 21 kes baharu dikesan, diikuti 14 kes pada minggu berikutnya. Jumlah kes baharu bagaimanapun menurun dan kita harap tanda positif ini akan berterusan,” katanya.

Sebelum ini, lima kematian akibat denggi dicatatkan di Kedah dalam tempoh Januari hingga Julai dengan kes terakhir di Kuala Muda pada 22 Julai, membabitkan seorang wanita berusia 37 tahun. Ia antara empat kes mangsa maut di daerah berkenaan akibat wabak terbabit, selain satu kes di Kulim, 4 Jun lalu.

Dr Harif Fadzilah berkata, penurunan kes denggi sehingga minggu ke-37 dicatatkan di lapan daerah termasuk Langkawi yang menurun 40 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu apabila hanya enam kes dicatatkan di pulau pelancongan itu.